

RM1.1 juta bina kemudahan asas

BAGAN DATOH - Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) kini giat membina pelbagai kemudahan asas di tiga kawasan termasuk di Parlimen Bagan Datoh, Teluk Intan dan Pasir Salak dengan kos RM1.173 juta.

Yang Dipertuanya, Ibrahim Ahmad berkata, projek kemudahan asas itu meliputi pembinaan enam jalan berturap dan satu longkang di kawasan taman perumahan Pekan Langkap, Teluk Intan serta Simpang Empat Hutan Melintang.

Menurutnya, bagi Parlimen Bagan Datoh, dua projek jalan menelan belanja RM169,199 sedang diselenggarakan di Taman Perumahan Desa Permai dan Taman Kayangan.

“Pelaksanaan projek ini adalah melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat di bawah Geran Penyelenggaraan Jalan (Marris).

“Peruntukan ini dibelanjakan bagi membina jalan, longkang, lampu jalan dan membaik kerosakan prasarana permainan kanak-kanak serta operasi kebersihan di kawasan pentadbiran MPTI seluas 126.9 kilometer persegi dengan kepadatan 100,000 penduduk,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan turun padang ke kawasan Parlimen Bagan Datoh.

Dalam pada itu, pihaknya sudah mengenal pasti peralatan permainan



Ibrahim (dua, kiri) bersama ahli MPTI melihat longkang yang rosak di Taman Kayangan Hutan Melintang.

yang perlu diganti baru.

“Kita juga kenal pasti kawasan padang yang semak dan bekerjasama dengan penduduk untuk membersihkan kawasan ini.

“Tujuannya, kita mahu penduduk turut berperanan menjaga kebersihan dan keindahan persekitaran kediaman mereka dan tidak terlalu bergantung kepada MPTI

sahaja,” katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai aduan penduduk berhubung lampu jalan yang suram di pekan Bagan Datoh, beliau memberi jaminan akan menambah lampu bervoltan tinggi.

“Kita sedia menambah jumlah lampu jalan sekiranya ada peruntukan diterima daripada Kerajaan Negeri dan Pusat,” katanya.